

Headline	Makin sukar jual cicak tokek		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	21	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,967



Makin sukar jual cicak tokek

Banyak penipuan termasuk suntik dengan silikon untuk besarkan saiz

Oleh Anwar Hussin

anwarhussin@bharian.com.my

KOTA BHARU: Cicak tokek atau gekko gecko yang pernah menjadi buruan ramai kerana dikatakan mampu menyembuh penyakit HIV/AIDS sehingga harganya mencecah RM70,000 sekor, kini agak sukar dijual di pasaran berikutan banyak penipuan, termasuk ada yang menyuntik reptilia itu dengan silikon bagi menambahkan saiznya.

Perkara itu didedahkan oleh seorang peniaga, Zulkifli Mustafa, 42, yang mempunyai 60 cicak tokek dalam peliharaannya, mendakwa haiwan itu agak sukar untuk dijual kerana pembeli bimbang mereka akan ditipu.

“Ketika memelihara haiwan ini dua tahun lalu, saya mampu menjual seekor tokek dengan harga antara RM30,000 hingga RM60,000, jika beratnya melebihi 330 gram. Kini dengan berat yang sama harga yang dapat dijual hanya RM20,000.

“Bagi tokek yang mempunyai berat 250 gram, ia dapat dijual dengan harga RM1,500 hingga RM2,000 berbanding sebelum ini dengan harga RM2,500,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Membunga, Machang, dekat sini.

Cicak tokek dikatakan mempunyai nilai tinggi di pasaran kerana didakwa apabila mencecah berat 330 gram ke atas ia mempunyai khasiat mujarab untuk merawat pelbagai penyakit termasuk HIV/AIDS, barah dan tenaga batin.

Bagaimanapun, belum ada fakta saintifik membuktikan cicak tokek dapat menyembuh penyakit itu termasuk penawar kepada penyakit HIV/AIDS seperti yang didakwa.

Ukuran cicak tokek boleh mencapai sehingga 340 milimeter dan hampir setengah daripada ukuran itu adalah ekornya.

Penipuan dikatakan berlaku apabila cicak tokek disuntik silikon bagi tujuan membesarkan saiznya sehingga kelihatan gebu bagi menambat hati pembeli untuk men-

Headline	Makin sukar jual cicak tokek		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	21	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,967

dapatkannya dengan harga yang tinggi.

Zulkifli berkata, beliau mula berminat untuk menjadi peniaga cicak tokek pada 2009 selepas permintaan terhadap haiwan itu sangat tinggi dan ada pembeli yang sanggup membeli dengan harga yang tinggi.



CICAK tokek dilihat dari dekat.



ZULKIFLI menunjukkan sebahagian daripada cicak tokek yang dipeliharanya di Kampung Membunga, Machang.